

**UCAPAN**  
**PELANCARAN INISIATIF**  
**“MALAYSIANS UNITE FOR ROAD SAFETY” (MUFORS 090909)**  
**OLEH MENTERI KERJA RAYA**  
**YB DATO’ SHAZIMAN ABU MANSOR**  
**8 SEPTEMBER 2009**

1. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Plus Expressways kerana telah mungundang saya untuk melancarkan inisiatif “Malaysians Unite for Road Safety” atau Rakyat Malaysia Bersatu untuk Keselamatan Jalan Raya (MUFORS) pada hari ini.
2. Keselamatan jalan raya dan isu-isu yang berkaitan dengannya sentiasa mendapat perhatian sepenuhnya daripada pihak kerajaan terutamanya agensi-agensi yang terbabit secara langsung seperti Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya. Bagi menangani isu keselamatan jalan raya ini, pelbagai kempen telah dilaksanakan yang melibatkan perbelanjaan dan sumber yang amat besar.
3. Bagaimanapun, usaha agensi-agensi ini perlu disokong oleh pihak-pihak yang lain, baik swasta mahupun Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Lebih penting lagi, penglibatan orang ramai secara individu adalah antara pendekatan yang paling berkesan bagi meningkatkan kesedaran dan keselamatan jalan raya dan seterusnya mengurangkan kadar kemalangan.
4. Kini sudah tiba masanya kita sebagai rakyat Malaysia memainkan peranan yang lebih proaktif dan lebih rasa bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain.
5. Seluruh rakyat Malaysia harus memainkan peranan yang lebih besar dan tersendiri dalam membantu meningkatkan tahap keselamatan di jalan raya. Kita perlu bertanya pada diri sendiri: “Apakah sumbangan saya terhadap keselamatan jalan raya? Hanya kita sebagai individu dapat menjawab soalan ini.

6. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada PLUS Expressways yang telah memulakan inisiatif “Malaysians Unite for Road Safety” atau Rakyat Malaysia Bersatu untuk Keselamatan Jalan Raya (MUFORS).
7. Inisiatif ini adalah amat bermakna dan tepat pada masanya kerana statistik Jabatan Keselamatan Jalan Raya menunjukkan bahawa secara puratanya, berlaku 18 kematian di jalan raya setiap hari. Angka yang tinggi ini bukan sahaja mendatangkan kerugian kepada keluarga, tetapi juga negara di mana negara juga kehilangan bakat, kemahiran, tenaga kerja dan lain-lain lagi.
8. Melalui inisiatif ini, rakyat Malaysia boleh memainkan peranan yang lebih besar dan tersendiri dalam membantu meningkatkan tahap keselamatan di jalan raya.
9. MUFORS merupakan projek kemasyarakatan yang memberi ‘kuasa’ kepada rakyat Malaysia untuk memberikan pendapat dan pandangan masing-masing tentang keselamatan jalan raya di negara ini. Berasaskan pada laman web [www.090909.org.my](http://www.090909.org.my), ia merupakan platform bagi setiap individu untuk berfikir tentang langkah-langkah keselamatan yang boleh diambil untuk meningkatkan keselamatan dan menyelamatkan nyawa.
10. Inisiatif ini adalah inisiatif semua rakyat Malaysia, oleh rakyat Malaysia dan untuk rakyat Malaysia. Ini adalah satu peluang untuk semua rakyat negara ini menyokong langkah-langkah kerajaan dalam meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dan menyelamatkan nyawa. Ia juga adalah bertepatan dengan gagasan 1Malaysia yang dianjurkan oleh Perdana Menteri kita.
11. Justeru, saya menggesa semua rakyat Malaysia memberi sokongan padu terhadap inisiatif ini kerana tiada siapa yang terkecuali daripada isu keselamatan jalan raya. Janganlah berfikir “ia tidak akan berlaku kepada diri saya” atau lebih teruk lagi “semua orang melakukannya, mengapa tidak saya”, kerana satu hari kelak, kita mungkin kehilangan orang yang tersayang akibat kecuaian atau tabiat pemanduan yang buruk di jalan raya.

12. Sempena Hari Keselamatan Jalan Raya MUFORS pada 9 September 2009 iaitu esok, marilah kita berikrar untuk menjadi pengguna jalan raya yang lebih bertanggungjawab, lebih prihatin dengan mencari jawapan kepada satu soalan yang mungkin akan membawa perubahan yang begitu bermakna dalam hidup kita dan juga rakyat Malaysia yang lain iaitu, "Apakah yang dapat saya lakukan sebagai individu untuk menyumbang kepada keselamatan jalan raya serta menyelamatkan nyawa?"

13. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyarankan agar semua syarikat konsesi lebuh raya mencontohi program seumpama ini. Saya juga mengambil peluang ini untuk sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan PLUS Expressways yang disokong oleh Kementerian Kerja Raya kerana memulakan inisiatif keselamatan jalan raya ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang turut sama menyokong untuk menjayakan inisiatif ini iaitu Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Kumpulan UEM, Media Prima, Kumpulan NSTP, RTM, Bernama, AMP Radio Networks, Sepang International Circuit, Malay Mail dan lain-lain lagi.

14. Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya dengan sukacitanya melancarkan Inisiatif "Malaysians Unite For Road Safety" 090909 pada hari ini. Jadikanlah tarikh 090909 esok sebagai detik permulaan ke arah meningkatkan keselamatan jalan raya ke tahap yang lebih baik pada masa-masa yang akan datang.

Terima kasih.